



## **MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN PENGISIAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak), termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan iaitu:-

<b>1. JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>PEN. PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29</b>	
<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN</b>	
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>KONTRAK/TETAP</b>	
<b>JUMLAH KEKOSONGAN</b>	<b>:</b>	<b>1 KEKOSONGAN</b>	
<b>JADUAL GAJI</b>	<b>:</b>	<b>GRED L29</b>	
		MINIMUM	-RM1,773.00
		MAKSIMUM	-RM5,674.00
		KENAIKAN TAHUNAN	-RM145.00

### **SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) warganegara Malaysia,
  - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c) (i) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,773.00); atau  
(ii) Diploma undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,847.86).
  - d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-undang) dan Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26 adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-undang

Gred L29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- b) Had umur perlantikan:
  - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **PERMOHONAN**

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang MPTI/PSM/2024 yang boleh dimuat turun (download) melalui portal rasmi Majlis Perbandaran Teluk Intan : [www.mpti.gov.my](http://www.mpti.gov.my)
2. Keterangan lanjut mengenai syarat lantikan jawatan kosong yang diiklankan boleh didapati di portal rasmi Majlis Perbandaran Teluk Intan : [www.mpti.gov.my](http://www.mpti.gov.my)

## **PEMAKAIAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN**

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya samada dibatalkan, diganti atau dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.
2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

## **PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- i. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini.

- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.
- iii. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- iv. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : **04 MAC 2024**